

KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 2000

**PERANAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA
DI BAWAH JAWATANKUASA IT DAN INTERNET
KERAJAAN (JITIK)**

JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA

Dikelilingkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



JABATAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Telefon : 603-88881957
Faks : 603-88883721

Rujukan Kami : UPTM (S) 07/267/2
 kl. 6 (22)

Tarikh : 20 Disember 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

SURAT PEKELILING AM BIL. 2 TAHUN 2000

**PERANAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA
DI BAWAH JAWATANKUASA IT DAN INTERNET
KERAJAAN (JITIK)**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Am ini bermaksud untuk menjelaskan peranan Jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK) khususnya Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan IT (JTPIT), Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT) dan Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan IT (JLPIT) dalam pembangunan dan pelaksanaan *Information and Communication Technology* (ICT) di sektor awam.
- 1.2 Surat Pekeliling Am juga adalah bertujuan untuk menarik perhatian agensi di semua peringkat pentadbiran kepada keputusan Kerajaan bahawa perolehan perkakasan dan perisian ICT perlu dirujuk dan mendapat input dari segi teknikal daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selaku Urusetia kepada JITIK.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bagi memastikan pelaksanaan ICT dijalankan secara terancang dan bersepadu, Kerajaan telah menubuhkan JITIK melalui **Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1999**

bertajuk “**Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan (JITIK)**”. Antara lain, pekeliling ini menerangkan fungsi JITIK, bidang rujukan JITIK, keahlian JITIK dan pengwujudkan JTPIT, JTIT, JLPIT dan jawatankuasa lain bagi membantu pelaksanaan tugas-tugas JITIK.

3. FUNGSI DAN KEAHLIAN JTPIT, JTIT DAN JLPIT

Jawatankuasa Tindakan Pelaksanaan IT (JTPIT)

3.1 JTPIT adalah jawatankuasa utama yang bertanggungjawab kepada JITIK dan memainkan peranan sebagai penasihat dan pemangkin dalam merumuskan rancangan dan strategi bagi pembangunan dan penggunaan ICT dan Internet di sektor awam. Ia juga menyediakan mekanisme dan perkhidmatan urusetia kepada JITIK bagi mencapai pengurusan dan penggunaan ICT yang strategik di sektor awam. Jawatankuasa ini akan mengesyorkan antara lain, cadangan pembaharuan, dasar, pelan tindakan pelaksanaan, garis panduan dan piawaian ICT kepada JITIK.

3.2 JTPIT dibantu oleh jawatankuasa-jawatankuasa berikut:

(a) Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT)

(b) Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan IT (JLPIT)

3.3 Keahlian dan bidang tugas JTPIT adalah seperti di Lampiran A.

Jawatankuasa Teknikal IT (JTIT)

3.4 JTIT terlibat dengan penyelarasan, pemantauan dan segala urusan pengoperasian berkaitan dengan pelaksanaan projek pengkomputeran di semua agensi sektor awam.

3.5 Fungsi utama jawatankuasa ini ialah menimbang dan meluluskan permohonan daripada agensi-agensi sektor awam untuk memperolehi sistem-sistem aplikasi, pelayan (*server*), rangkaian data, perkakasan dan perisian ICT untuk penggunaan awam. Perolehan perkakasan komputer yang digabung kepada instrumen saintifik, perubatan dan untuk tujuan khas pula, tidak memerlukan kelulusan JTIT.

3.6 Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab memastikan bahawa perancangan dan pelaksanaan program ICT agensi-agensi dijalankan selaras dengan dasar ICT sektor awam.

3.7 Keahlian dan bidang tugas JTIT adalah seperti di Lampiran B.

Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan IT (JLPIT)

3.8 JLPIT memberikan tumpuan kepada keperluan latihan dan pembangunan personel ICT sektor awam dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan kepakaran personel supaya ICT dapat dilaksanakan dengan berkesan. Jawatankuasa ini bertanggungjawab mengenalpasti *core competency* yang diperlukan dan mengesyorkan dasar/latihan bagi pelaksanaan program pembangunan dan penggunaan ICT sektor awam.

- 3.9 Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengenalpasti program-program bagi mempercepatkan usaha membudayakan ICT di kalangan anggota-anggota Perkhidmatan Awam.
- 3.10 Keahlian dan bidang tugas JLPIT adalah seperti di Lampiran C.


4. TANGGUNGJAWAB AGENSI

- 4.1 Semua agensi sektor awam adalah bertanggungjawab untuk memperolehi kelulusan JITIK bagi perkara-perkara seperti berikut dengan mengemukakan kertas permohonan berkenaan kepada MAMPU.
- (a) Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) atau rancangan jangka panjang pembangunan dan penggunaan ICT agensi masing-masing;
 - (b) Perolehan baru atau perolehan bagi peningkatan perkakasan dan perisian ICT serta sistem komunikasi;
 - (c) Mendapat khidmat luar (*outsourcing*) untuk pembangunan sistem aplikasi;
 - (d) Projek ICT dijalankan secara *turnkey*;
 - (e) Mendapat khidmat pakar runding luar untuk menjalankan kajian berkaitan dengan pembangunan dan pelaksanaan sistem yang menggunakan ICT; dan
 - (f) Mendapatkan perkhidmatan kemasukan data, memproses data dan kemudahan *disaster recovery* daripada perkhidmatan agensi-agensi luar.
- 4.2 Kertas permohonan bagi melaksanakan projek ICT hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pemandu di peringkat agensi sebelum ianya dihantar kepada MAMPU. Format kertas permohonan adalah seperti di Lampiran D.
- 4.3 Ketua-ketua Jabatan hendaklah memastikan ISP disediakan bagi menyokong pencapaian matlamat agensi masing-masing.

5. KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling Am ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara

JAWATANKUASA TINDAKAN PELAKSANAAN IT (JTPIT)

Keahlian

Pengerusi: Ketua Pengarah MAMPU

Ahli-ahli tetap (bagi tempoh dua tahun):

- (i) Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia
- (ii) Ketua Bahagian Penasihat dan Undang-undang Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara
- (iii) Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan ICT, MAMPU
- (iv) Timbalan Pengarah (IMATEC), INTAN
- (v) Naib Presiden Bahagian Standard dan Kualiti, SIRIM
- (vi) Presiden Persatuan Juruanalisa Sistem (PERJASA)
- (vii) Pengarah Eksekutif PIKOM
- (viii) Pengarah Eksekutif MNCC
- (ix) Pakar komputer dari universiti tempatan
- (x) Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Ahli-ahli jemputan

Urusetia: Bahagian Dasar dan Perancangan ICT, MAMPU

Bidang Tugas

- (i) Mengesyorkan arah tuju, dasar dan strategi bagi pembangunan dan penggunaan ICT dan Internet di sektor awam;
- (ii) Merangka perancangan bagi pembangunan dan penggunaan ICT di sektor awam selaras dengan arah tuju, dasar dan strategi yang diputuskan oleh JITIK;
- (iii) Menyediakan garis panduan pelaksanaan dasar dan program-program mengenai pembangunan dan penggunaan ICT yang telah diputuskan oleh JITIK; dan
- (iv) Mengesyorkan pembaharuan yang sesuai dalam bidang teknologi maklumat dan merangka strategi bagi meningkatkan usaha mewujudkan budaya ICT di kalangan anggota Perkhidmatan Awam di semua peringkat.

JAWATANKUASA TEKNIKAL IT (JTIT)

Keahlian

Pengerusi: Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU

Ahli-ahli tetap:

- (i) Wakil Bahagian Perkhidmatan, JPA
- (ii) Wakil Bahagian Belanjawan, Kementerian Kewangan
- (iii) Wakil Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan
- (iv) Wakil Jabatan Audit Negara
- (v) Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan ICT, MAMPU
- (vi) Pengarah Bahagian Perancangan dan Pengurusan Kerajaan Elektronik, MAMPU
- (vii) Pengarah Bahagian Penyelarasan dan Pembudayaan Teknologi Maklumat, MAMPU
- (viii) Pengarah Bahagian Keselamatan ICT, MAMPU

Ahli Jemputan

Urusetia: Bahagian Dasar dan Perancangan ICT, MAMPU

Bidang Tugas

- (i) Menimbang dan meluluskan permohonan daripada agensi-agensi Kerajaan untuk memperolehi peralatan dan perisian teknologi maklumat berdasarkan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) yang telah dikemukakan;
- (ii) Menyelaras pembangunan dan penggunaan teknologi maklumat di agensi-agensi Kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan;
- (iii) Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensi Kerajaan dalam pelaksanaan projek ICT dan isu-isu semasa serta memperakukan cadangan untuk mengatasinya; dan
- (iv) Memantau kemajuan pelaksanaan projek-projek pengkomputeran yang telah diluluskan dan menyediakan laporan untuk JTPIT.

JAWATANKUASA LATIHAN DAN PENDIDIKAN IT (JLPIT)**Keahlian**

Pengerusi: Pengarah INTAN

Ahli-ahli tetap:

- (i) Timbalan Pengarah (IMATEC), INTAN
- (ii) Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan ICT, MAMPU
- (iii) Penyelaras Projek Kanan (IMATEC), INTAN
- (iv) Wakil Bahagian Latihan, JPA
- (v) Wakil IPTA (Jabatan Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan
- (vi) Wakil IPTS (Jabatan Pendidikan Swasta), Kementerian Pendidikan
- (vii) Wakil Politeknik (Jabatan Pendidikan Teknik), Kementerian Pendidikan
- (viii) Wakil Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan
- (ix) Wakil NAPEI (*National Association of Private Education Institutes*)
- (x) Dua (2) wakil IPTA
- (xi) Dua (2) wakil IPTS
- (xii) Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Urusetia: INTAN

Bidang Tugas

- (i) Mengenalpasti jurang perbezaan (*gap*) antara kemahiran dan kepakaran ICT yang diperlukan dengan sumber personel ICT yang sedia ada dalam sektor awam dan mengesyorkan dasar/latihan bagi membangunkan *core competency* yang diperlukan bagi melaksanakan program pembangunan dan penggunaan ICT di sektor awam;
- (ii) Merancang program latihan komputer bagi meningkatkan tahap celik komputer, pengetahuan dan kemahiran kakitangan Perkhidmatan Awam selaras dengan keperluan negara;
- (iii) Mengesyorkan program-program yang dianjurkan oleh institusi-institusi latihan termasuk Institusi Pengajian Tinggi;
- (iv) Memantau kemajuan latihan ICT di sektor awam; dan
- (v) Memberi pengiktirafan kepada kelayakan bertauliah dalam bidang sains komputer dan menentukan tahap kualiti latihan yang dianjurkan oleh Institusi Pengajian Tinggi.

Format Kertas Permohonan Projek ICT

1. Tujuan kertas kerja
2. Peranan dan fungsi utama organisasi
3. Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM)
 - 3.1 Arah tuju dan pencapaian program ICT sehingga kini
 - 3.2 Sumber ICT sedia ada
 - (a) Perkakasan dan infrastruktur rangkaian komunikasi sekarang
 - (b) Perisian yang sedia ada
 - (c) Sistem aplikasi yang digunakan sekarang
 - (d) Personel komputer sekarang termasuk kekosongan
4. Isu dan masalah yang membawa kepada cadangan projek ICT
 - 4.1 Keperluan baru atau memperbaiki proses atau perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi
 - (a) Saluran penyampaian (*delivery channel*) baru
 - (b) Integrasi
 - 4.2 Masalah perkakasan
 - 4.3 Masalah perisian
 - 4.4 Masalah/kekurangan sistem aplikasi
 - 4.5 Masalah penyelenggaraan
5. Cadangan Projek ICT
 - 5.1 Keterangan sistem aplikasi/cadangan penyelesaian
 - 5.2 Perkakasan, perisian dan peralatan komunikasi yang dicadangkan
 - 5.3 Pelan Pelaksanaan
 - (a) Jadual Pelaksanaan
 - (b) Pelan Perekayasaan Proses (*Process Reengineering Plan*)
 - (c) Pelan Pengurusan Perubahan (*Change Management Plan*)
 - (d) Pelan Pemindahan Teknologi (*Transfer of Technology Plan*)
 - (e) Pelan Keselamatan ICT (*ICT Security Plan*)
 - (f) Cara pelaksanaan (*in-house, turnkey, outsource*)
 - 5.4 Personel yang diperlukan
 - (a) Jenis jawatan dan bilangan
 - 5.5 Anggaran kos dan Peruntukan Rancangan Malaysia yang diluluskan
6. Faedah
 - 6.1 Faedah jangka pendek dan jangka panjang projek pengkomputeran yang dicadangkan